



Kerajaan naik taraf pusat pemindahan banjir

KUALA LUMPUR – Kerajaan tidak bercadang untuk membina pusat pemindahan banjir secara tetap memandangkan ia tidak digunakan sepanjang masa dan ini boleh merugikan serta tidak ekonomik untuk jangka masa panjang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahi-

dan Kassim (**gambar**) berkata, kerajaan sebaliknya akan meneruskan projek menaik taraf pusat pemindahan banjir menggunakan sekolah di negeri-negeri yang kerap berlaku banjir kerana ia lebih berkesan.

“Jadi, projek naik taraf pusat pemindahan sedia ada iaitu di sekolah-sekolah akan terus

dijalankan seperti menambah jumlah bilik air dan bilik mandi berbanding membina pusat yang baharu.

“Sekolah yang dijadikan pusat pemindahan banjir tetapi belum dinaik taraf boleh memaklumkan perkara itu kepada jabatan berkaitan supaya projek itu dapat dijalankan,” katanya pada si-

dang Dewan Rakyat di Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Shaharuddin Ismail (**BN-Kangar**) yang ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang membina pusat pemindahan banjir tetap di negeri-negeri kerap berlaku banjir.